

25 DEC 2000

Maluku-Tembak

DELEGASI KEMANUSIAAN MALAYSIA KE MALUKU DITEMBAK

AMBON (MALUKU), 25 Dis (Bernama) -- Delegasi Malaysia ke Maluku bagi menyampaikan bantuan kemanusiaan telah ditembak ketika sedang menaiki bot menuju ke pekan Ambon semalam.

Wartawan Bernama Mohd Haikal Mohd Isa bersama seorang jurugambar dan jurukamera dari agensi berita nasional itu ialah antara 20 orang yang berada dalam bot itu.

"Kami bernasib baik kerana tidak satupun tembakan itu terkena bot kami," kata Mohd Haikal.

Rombongan diketuai oleh Dr Shamsul Anwar Sulaiman dari Pemuda Umno itu membawa ubat-ubatan, makanan serta wang tunai RM100,000 bagi diserahkan kepada fakir miskin, masjid dan rumah kebajikan sebagai sumbangan Hari Raya.

Sebaik mendarat di Lapangan Terbang Pattimura, rombongan itu menaiki bot untuk menuju ke pekan Ambon.

Shamsul Anwar yang juga Pengerusi Biro Hal Ehwal Antarabangsa Pemuda Umno berkata beliau tidak mahu menuduh mana-mana pihak.

"Tetapi saya rasa ada pihak yang membantah kehadiran kami," katanya.

Beliau berkata kumpulan atau pihak-pihak yang membantah itu mungkin menganggap bantuan itu semata-mata untuk penduduk Islam padahal bahan makanan itu diserahkan kepada pihak Ambon menerusi wakil Gabenor.

Selain Pemuda Umno, misi kemanusiaan yang dinamakan "Sumbangsih Jiran Murni" itu turut disertai oleh Persatuan Budi Penyayang, Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (Ansara) dan Biro Agama Pemuda Umno serta wakil kedutaan besar Indonesia di Malaysia.

Turut di dalam misi itu adalah Presiden Ansara, Mukriz Mahathir, pegawai-pegawai Kementerian Luar dan Kementerian Pertahanan.

Shamsul Anwar berkata bantuan kemanusiaan bagi rakyat Maluku khususnya kepada penduduk Islam tidak sepatutnya disalahertikan sebagai usaha untuk mencampuri konflik antara penganut Kristian dan Islam di situ.

"Ia adalah misi kemanusiaan. Kita yakin apa yang kita buat adalah betul," katanya.

Walaupun diancam dengan tembakan itu, delegasi Malaysia itu meneruskan perjalanan ke pekan Ambon bagi menemui umat Islam di situ dan wakil-wakil dari pertubuhan Islam.

Delegasi Malaysia turut bersembahyang di masjid utama di Ambon, Masjid Al-Falah yang merupakan pusat kegiatan utama Islam di situ.

Mereka turut menyampaikan bantuan kewangan, makanan serta beberapa naskhah Al-Quran kepada Majlis Ugama Islam Daerah Maluku yang diwakili oleh ketua umumnya, R.R Hassanusi.

Shamsul Anwar berkata kejadian tembakan itu tidak akan menjejaskan usaha penghantaran bantuan kemanusiaan ke Maluku pada masa depan kerana ia adalah sebahagian dari jihad untuk membantu rakan seagama.

"Kita tidak akan lemah semangat. Ia adalah jihad," katanya.

Sebelum itu, ketibaan pesawat C-130 Tentera Udara Diraja Malaysia yang membawa bantuan kemanusiaan itu di Lapangan Terbang Pattimura dikawal ketat oleh anggota pasukan keselamatan Indonesia.

Wakil Gabenor Maluku Drs Paula B.Kenyaan yang menerima bantuan itu berkata pihaknya amat berterima kasih terhadap sumbangan itu dan tidak menjangka rakyat Malaysia amat mengambil berat dengan perkembangan di Maluku.

"Kami tidak mungkin dapat membalasnya, tetapi apa yang kami boleh buat

adalah berdoa bagi kesejahteraan rakyat Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

MHI ES MAI